

27 FEB 1997

LAPORAN KHAS

MSC MAMPU MEMBANTU PENCAPAIAN MATLAMAT WAWASAN 2020

By: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan bergopoh-gapah apabila beliau mengepalai usaha menjadikan Malaysia salah sebuah negara pemimpin dalam teknologi masa depan menerusi pengwujudan sebuah Koridor Raya Multi-media (MSC).

Walaupun Malaysia masih dianggap sebuah negara membangun, dayausaha Perdana Menteri itu bukan sahaja selaras dengan Wawasan 2020 yang berteraskan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun itu, tetapi ia juga suatu usaha praktikal oleh pemimpin sebuah negara Islam untuk menutup "jurang" antara negara kaya dan miskin.

Umum mengakui bahawa di antara negara paling mundur di dunia sekarang ialah beberapa buah negara Islam, atau negara yang mempunyai ramai penduduk Islam.

Kalangan yang menyokong inisiatif Dr Mahathir itu sependapat bahawa jurang yang perlu dirapatkan itu ialah dalam bidang informasi dan elektronik, kerana kedua-duanya punca ilmu atau pengetahuan, yang merupakan kunci atau nadi masa kini kepada ekonomi moden.

"Tanpa sistem saraf elektronik, sesebuah negara akan terus dibaluti kemunduran, walau betapa banyak sekalipun industri yang dimilikinya," ujar Mohammad Minhaj Khokhar, presiden Dewan Perniagaan Muslim Amerika Utara, yang mempunyai penuh keyakinan bahawa MSC adalah sebahagian jalan pintas yang diambil Dr Mahathir ke arah kejayaan dan memenuhi wawasannya untuk melihat penguasaan dunia Islam terhadap teknologi masa depan.

Menurut beliau, faktor kejahilan pengetahuan merupakan punca utama kehancuran Soviet Union sehingga bekas presidennya Mikhail Gorbachev sendiri mengakui pada tahun 1989 bahawa "kita mungkin antara yang terlewat menyedari bahawa pada zaman sains informasi ini, harta yang paling bernilai ialah pengetahuan."

Bercakap pada satu sidang kemuncak Pemimpin-pemimpin Perdagangan Dunia Islam di sini baru-baru ini, Mohammad berkata, jurang yang wujud sekarang bukan antara Utara dan Selatan atau Timur dan Barat, tetapi ialah antara yang cepat dan perlahan.

"Perhati di sekeliling kita dan lihat sendiri negara mana yang menikmati kemewahan...yang perlahan terus miskin manakala yang cepat bertambah kaya," katanya.

Beliau menegaskan bahawa bagi setiap ketukan pada "key-board" komputer, negara-negara yang menyertai era elektronik akan bergerak ke hadapan manakala yang tidak berbuat demikian akan jauh ketinggalan.

Keperlahanan negara-negara miskin menganuti era elektronik itu dapat disaksikan daripada pengagihan berat sebelah peralatan telekom dan elektronik.

Menurutnya, terdapat 600 juta telefon di seluruh dunia pada 1990. Bagaimanapun, sebanyak 450 juta daripadanya berada di dalam tangan rakyat sembilan buah negara sahaja.

Dalam pada itu, Amerika terus memanfaatkan kuasa dan faedah yang dicetuskan hasil penguasaan ke atas sains dan teknologi, walaupun ia sudah sekian lama menikmati status kuasa besar. Dalam salah satu ucapan terbarunya, Presiden Bill Clinton mencabar Amerika supaya menghubungkan setiap bilik darjah dan perpustakaan negara itu kepada Internet menjelang tahun 2000 agar setiap kanak-kanak, sama ada dari kawasan paling terpencil, perbandaran yang paling selesa atau sekolah dalam bandaraya yang paling daif, turut berpeluang menimba pengetahuan sejagat yang sama.

Clinton seterusnya menggesa rakyat Amerika supaya berusaha menghasilkan Internet generasi kedua "agar universiti-universiti dan makmal-makmal negara berupaya berkomunikasi pada kadar seribu kali lebih pantas daripada sekarang dalam soal memajukan rawatan perubatan atau sumber tenaga yang baru."

Menurut Mohammad, Amerika menyediakan sebanyak RM127.5 bilion sebagai peruntukan pendidikan tahun 1998. Sebaliknya, Pakistan hanya membelanjakan 1.6 peratus daripada belanjawan tahunannya untuk tujuan yang sama.

Dalam konteks yang sama, Dewan Perniagaan Kebangsaan Mali tidak memiliki sebarang komputer di pejabatnya sehingga didermakan sebiji pada 1995. Situasi itu berlaku dalam keadaan Internet kini telah menjadi sebahagian cara hidup kira-kira 300 juta penduduk dunia, dengan keupayaannya memaparkan dalam talian satu produk atau pengetahuan baru setiap 30 saat.

"Jika persoalan berhubung kemakmuran ekonomi sesebuah negara mempunyai kaitan dengan jurang informasi dan pendidikan, di mana letaknya jawapan daripada dunia Islam?" tanya Mohammad.

Mengimbas kembali sejarah kemunculan Internet, Mohammad berkata, lima tahun yang lalu ia hanya sebuah alat penyelidikan persendirian yang digunakan oleh kerajaan dan ahli akademik Amerika untuk menghantar maklumat menerusi talian telefon.

"Kadar penyebaran maklumat baru pernah meningkat dua kali ganda setiap 25 tahun, sekarang ia meningkat dua kali ganda setiap lima tahun dan tidak lama lagi ia akan meningkat dua kali ganda setiap lima bulan," katanya.

Dalam konteks itulah Mohammad yakin kewujudan MSC amat bertepatan dengan Wawasan 2020 Dr Mahathir, kerana masanya telah tiba "bagi kita mewujudkan revolusi elektronik untuk dunia Islam."

Beliau percaya, walau betapa mundur sekalipun sesebuah negara Islam, jalan pintas menuju kejayaan tetap ada.

Umpamanya, kata beliau, negara-negara miskin kini boleh menjimatkan berjuta-juta ringgit kos pemasangan ribuan kilometer kabel untuk sistem telekomunikasi mereka dengan terus menggunakan teknologi gelombang mikro.

Memetik Jepun sebagai pengguna jalan pintas, Mohammad berkata, walaupun negara itu pendatang lewat dalam bidang teknologi angkasa lepas, ia telah berjaya melancarkan sebuah teleskop yang sejuta kali lebih berkesan daripada teleskop Hubbel milik Amerika, berkat ilmu yang ditimbanya daripada Amerika dan percubaan demi percubaan sendiri.

Begitu juga, katanya, dunia Islam boleh ditarik keluar daripada kepompong kemunduran menuju kemakmuran, lebih-lebih lagi jika memperolehi bimbingan yang betul daripada perunding perdagangan Islam yang sedia ada.

Mohammad kesal kerana kewujudan ribuan doktor, saintis, pakar matematik, pengusaha dan jurutera beragama Islam di Amerika tidak diketahui oleh dunia Islam, di sebalik kesediaan golongan itu untuk berkongsi kepakaran dengan saudara seagama mereka di seluruh dunia serta membantu memasarkan produk masing-masing ke negara barat.

Beliau mendakwa, kini terdapat lebih 20,000 doktor Islam di Amerika dan 40,000 saintis Islam di California sahaja. Salah seorang pakar matematik terulung di Agensi Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) beragama Islam, begitu juga dengan pemegang francais terbesar Kentucky Fried Chicken di negara itu.

Menurut Mohammad, pusat-pusat pengajian patut diwujudkan oleh dunia Islam bagi menghasilkan setiap tahun kira-kira sejuta tenaga terlatih daripada kalangan umat Islam, termasuk kira-kira 100,000 pemaju alat perisian elektronik bagi menampung pertumbuhan dalam bidang teknologi maklumat.

Negara-negara Islam, tambah beliau, juga mestilah mencari sumber sendiri bagi penyediaan infrastruktur, tetapi infrastruktur itu mestilah

tidak terbatas kepada sistem telekomunikasi dan komputer semata-mata.

"Penyediaan infrastruktur tidak bermakna kita mencipta alat perisian sendiri atau memajukan komputer sendiri. Kita patut menggunakan yang terbaik daripada apa yang sedia ada daripada Taiwan, Jepun, Amerika atau mana-mana negara lain dan menyesuaikannya untuk kegunaan bagi penghasilan produk akhir yang dapat memenuhi keperluan pasaran terbuka dan pasaran Islam secara khususnya," katanya.

Mohammad merumuskan bahawa kini ada keperluan mendesak bagi dunia Islam mewujudkan secara bersama kumpulan pemikir perdagangan yang boleh menentukan kehendak dan mengenal pasti sumber untuk mengisi jurang yang ada.

Sehingga mereka dapat duduk semeja dan menyumbang buah fikiran masing-masing serta merancang secara bersama, dunia Islam akan terus menanggung nasib serupa dengan benua Afrika, sebuah benua yang haru-biru dan dilayani oleh dunia sebagai anak yatim yang menunggu belas ihsan luar.

"Negara-negara maju langsung tidak berminat bagi mengusahakan program pasaran untuk kebanyakan negara Afrika dan bagi sesetengah negara barat, adalah lebih baik Afrika langsung tidak wujud daripada muka bumi," ujar Mohammad. -- Bernama